

**RELEVANSI SUBJEK UNDANG-UNDANG HARTA INTELEK UNTUK PELAJAR
PROGRAM SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA, UNIVERSITI SAINS ISLAM
MALAYSIA**

HALIZA A. SHUKOR

hliza@usim.edu.my

**HASNIZAM HASHIM
INTAN NADIA GHULAM KHAN,
SETIYAWAN GUNARDI.**

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Kursus Undang-Undang Harta Intelek merupakan salah satu kursus elektif yang ditawarkan pada pelajar-pelajar jurusan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan telah mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis relevansi kursus Undang-Undang Harta Intelek di kalangan pelajar jurusan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa di FSU, USIM yang meliputi topik-topik yang disediakan dalam rangka kursus subjek Undang-Undang Harta Intelek, relevansinya sebagai subjek elektif untuk pelajar jurusan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar serta cadangan penambahbaikan bagi penawaran kursus tersebut di masa akan datang.

Kata Kunci: Undang-Undang Harta Intelek, Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

1. Pendahuluan

Harta Intelek ialah sesuatu yang mengandungi semua barang yang berpunca daripada latihan akal manusia, contohnya idea manakala dari sudut undang-undang, harta intelek merupakan sesuatu yang boleh dituntut ke atas produk keintelektualan manusia (Khadijah & Ahmad Shamsul, 2005). Menurut Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO), harta intelek merujuk kepada "ciptaan minda" yang terdiri daripada penemuan, karya sastera dan seni, simbol, nama dan gambar yang digunakan dalam perdagangan. Perlindungan harta intelek dilihat penting bagi tujuan menggalakkan pencipta, seniman dan saintis untuk mengembangkan inovasi dan ciptaan mereka. Ini kerana kemajuan manusia diukur pada keupayaan untuk mengeluarkan idea dan ciptaan baru. Selain itu, perlindungan harta intelek memberi peluang pada pencipta dan pemilik harta intelek untuk mengawal dan mendapatkan faedah daripada ciptaan yang dihasilkan (WIPO, 2020) dengan cara eksploitasi harta intelek melalui pelesenan atau penyerahhakkan.

Islam tidak menyediakan aturan yang khusus berkaitan harta intelek. Namun, melalui pelbagai sumber hukum dalam Islam yang mengandungi peraturan tertentu membolehkan hukum berkaitan harta intelek dan Undang-Undang Islam dapat dihubungkan. Menurut Mazhab Shafie, Hambali

dan Maliki, harta terdiri daripada harta nampak dan tak nampak. Kriteria utama harta menurut pandangan mazhab-mazhab tersebut ialah apa sahaja yang bermanfaat dan bernilai. Berlainan pula dengan Mazhab Hanafi yang berpandangan bahawa hanya objek material yang boleh dianggap sebagai harta kerana ia boleh dilihat dan dirasa oleh deria manusia berbanding dengan harta intelek yang bersifat sebagai harta tak nampak (Bashar, 2013).

Harta intelek dikelaskan kepada dua kategori, iaitu harta perindustrian dan hak cipta. Harta perindustrian terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi manakala karya seni seperti buku, filem dan lukisan tergolong dalam kategori hak cipta (WIPO, 2020). Perlindungan terhadap harta intelek pula dibahagikan kepada dua iaitu, perlindungan di bawah statut dan juga perlindungan di bawah *common law* (Azimon & Nazura, 2009). Sebagai contoh, harta intelek yang dilindungi oleh statut ialah paten, hak cipta, cap dagangan berdaftar, reka bentuk industri, petunjuk geografi, reka bentuk litar bersepadu manakala pengelirupaan (*passing-off*) pula dilindungi di bawah *common law*.

Di Malaysia, terdapat undang-undang tertentu yang mengawal setiap jenis harta intelek seperti berikut:

- (i) Paten – Akta Paten 1983 (Akta 291)
- (ii) Hak Cipta – Akta Hakcipta 1987 (Akta 332)
- (iii) Cap Dagangan – Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815)
- (iv) Reka Bentuk Perindustrian – Akta Reka Bentuk Industri 1996 (Akta 552)
- (v) Petunjuk Geografi – Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602)
- (vi) Reka Bentuk Litar Bersepadu – Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Akta 601)

Harta intelek di Malaysia diuruskan pendaftarannya oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). MyIPO merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan pada orang awam berkaitan urusan harta intelek seperti pendaftaran harta intelek dan pembayaran fi yang diperlukan oleh undang-undang. Selain itu, MyIPO juga berperanan memberikan khidmat nasihat dan juga latihan bagi mendorong penyebaran maklumat berkaitan harta intelek pada orang awam di samping menyediakan program kerjasama di peringkat nasional dan juga antarabangsa (<http://www.myipo.gov.my/en/home/>).

2. Penawaran kursus Undang-Undang Harta Intelek untuk Pelajar Program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa

Menurut *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, Program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa merupakan salah satu program prasiswazah yang ditawarkan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM. Program ini menggabungkan Ilmu Fiqh dengan beberapa pakej kursus elektif. Program ini telah direkabentuk mengikut piawaian dan standard yang telah ditetapkan oleh Standard Pengajian Islam, Agensi Kelayakan Malaysia, 2014. Untuk memperolehi ijazah Sarjana

Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus tiga puluh lima (135) jam kredit kursus yang ditetapkan. Bagi kursus Undang-Undang Harta Intelek, ia merupakan sebahagian salah satu daripada enam kursus elektif daripada kursus elektif yang ditawarkan kepada pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa. Kursus Elektif Program (EP) adalah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara berpakej. Komposisi pakej ini terdiri daripada 10 unit yang perlu dilengkapi oleh pelajar yang mengikuti program ini. Kursus ini memberikan nilai tambah kepada para pelajar agar lebih memahami bidang disiplin pengajian mereka.

Proses penawaran kursus elektif kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa ialah para pelajar diberikan taklimat mengenai pakej kursus elektif sebelum mereka membuat pendaftaran pada tahun kedua pengajian. Pakej kursus elektif ini terdiri daripada pakej Kehakiman dan Guaman Syarie, pakej Kewangan Islam, pakej Teknologi Maklumat dan Komunikasi, pakej Sains Pemakanan, pakej Falak Syarie dan pakej Undang-undang.

Kursus Undang-Undang Harta Intelek ditawarkan kepada pelajar-pelajar tahun 2 semester ke IV Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa. Kursus ini merupakan salah satu kursus yang ditawarkan bagi pakej undang-undang untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa. Antara kursus-kursus yang ditawarkan dalam pakej undang-undang ialah Undang-Undang Perlembagaan dan Pentadbiran, Undang-Undang Siber, Undang-Undang Pengguna, Undang-undang Perubatan dan juga Undang-Undang Harta Intelek. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah pelajar yang mendaftar kursus ini sejak tahun 2017.

Semester /Tahun	Semester	Jumlah pelajar
Semester 1 /2017	A 171	25
Semester 1 2018	A 181	6
Semester 1 2019	A191	5

Jadual 1: Jumlah pelajar tahun 3 Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa yang mendaftar kursus Undang-Undang Harta Intelek

Berdasarkan pada Jadual 1 tersebut, jumlah pelajar yang mendaftar untuk kursus ini pada tahun 2017 ialah seramai 25 orang, manakala pada tahun 2018, terdapat penurunan mendadak pada jumlah pelajar yang mendaftar kursus ini iaitu sebanyak 6 orang sahaja dan hanya 5 orang pada tahun 2019. Berdasarkan pada trend penurunan jumlah pelajar yang mendaftar kursus ini, soal selidik ringkas telah dibuat bagi mengetahui relevansi kursus ini untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa yang akan dibincangkan di bawah.

4. Rangka Kursus Undang-Undang Harta Intelek Program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa

Secara umumnya, kursus Undang-Undang Harta Intelek ditawarkan kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa secara 2 jam kredit dengan matlamat agar pelajar-pelajar dapat menguasai prinsip asas berkaitan undang-undang Harta Intelek. Sebelum tahun 2019, rangka kursus harta intelek yang ditawarkan untuk pelajar program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa mirip dengan rangka kursus yang ditawarkan untuk pelajar program Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah. Walaubagaimanapun, ia telah ditambah baik bagi memenuhi keperluan semasa dengan mengambil kira latar belakang pelajar yang bukan dari jurusan undang-undang. Berikut merupakan perbincangan lanjut berkaitan rangka kursus Undang-Undang Harta Intelek yang meliputi perkara-perkara berikut:

4.1 Objektif kursus dan hasil pembelajaran

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas undang-undang harta intelek kepada pelajar bukan undang-undang dengan memberikan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam membincangkan isu-isu berkaitan undang-undang harta intelek. Hasil pembelajaran kursus ini ialah pelajar dapat menerangkan prinsip asas undang-undang harta intelek serta berupaya menunjukkan kemampuan dan kemahiran untuk membincangkan masalah berkaitan harta intelek.

4.2 Kandungan kursus

Dalam kursus ini, sebelum pelajar didedahkan dengan beberapa jenis harta intelek iaitu, paten, hakcipta, cap dagangan dan rekabentuk industri, pelajar akan diperkenalkan terlebih dahulu dengan konsep harta intelek yang meliputi definisi, kepentingan, jenis dan prinsip asas berkaitan harta intelek. Memandangkan kursus ini ditawarkan pada pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, salah satu tajuk yang akan dibincangkan ialah hubungkait undang-undang harta intelek dan Islam. Melalui tajuk ini, pelajar akan diberikan pendedahan berkaitan konsep harta intelek dalam Islam, ciri-ciri harta intelek menurut perspektif Al-Quran, Sunnah dan pandangan Sarjana Islam serta perbandingan di antara konsep harta intelek menurut perspektif sivil dan Syariah.


Seterusnya, kursus ini akan memperkenalkan pada pelajar badan yang bertanggungjawab mengawal selia perkara berkaitan harta intelek di Malaysia iaitu MyIPO. Melalui kursus ini, pelajar dapat mengetahui objektif, peranan dan kuasa yang dimiliki oleh MyIPO dalam menguruskan perkara berkaitan harta intelek disamping peranan Mahkamah Harta Intelek juga turut dibincangkan dalam kursus ini. Selain itu, perbincangan berkaitan harta intelek tidak hanya terhad dalam konteks tempatan kerana penerangan berkaitan triti dan konvensyen antarabangsa berkaitan harta intelek juga turut dimuatkan dalam kandungan kursus. Pelajar juga diperkenalkan dengan pelbagai jenis undang-undang berkaitan harta intelek di Malaysia seperti Akta Paten 1983 (Akta 291), Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Bagi kursus ini, kaedah pengajaran yang digunakan ialah dengan cara kuliah, tutorial dan juga perbincangan secara berkumpulan. Kuliah dan tutorial tidak hanya terhad dalam bentuk konvensional malah turut dibantu dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran atau dikenali sebagai e-pembelajaran (Dasar e-Pembelajaran Negara, 2011) termasuklah penggunaan dalam talian sumber pembelajaran dan pelaksanaan formal dan tidak formal penilaian terhadap pelajar (Nehme, 2010). Di antara komponen e-pembelajaran ialah penggunaan teknologi seperti komputer, kamera web, audio dan juga video. Menurut Jancic & Abdijevic (2006), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran dapat membantu tenaga pengajar menguruskan kurikulum dan seterusnya memastikan bahan pengajaran tersedia untuk pelajar dalam masa yang sangat singkat. Selain itu, aliran maklumat yang pantas berdasarkan internet memberikan banyak peluang untuk pelajar dan tenaga pengajar berkomunikasi semasa proses pembelajaran sama ada melalui e-mel, aplikasi sembang ataupun forum.

USIM misalnya telah mengambil inisiatif mewujudkan platform bagi menyokong e-pembelajaran, yang dikenali sebagai *Global Open Access Learning System* (GOALS) yang boleh digunakan oleh tenaga pengajar untuk menjalankan aktiviti pengajaran seperti memuat naik nota kuliah dan juga membuat penilaian terhadap pelajar dalam bentuk forum, kuiz dalam talian, tugas dan sebagainya.




Gambar 1: *Global Open Access Learning System* (GOALS)



Gambar 2: Contoh aktiviti tutorial dalam talian

Bagi tujuan penilaian pula, kursus ini menilai pelajar melalui tugas yang diberikan dalam bentuk *problem-based learning* (PBL) yang kemudiannya memerlukan pelajar membuat pembentangan sama ada secara individu atau berkumpulan. PBL ialah satu kaedah di mana pelajar perlu meneliti maklumat yang diberikan, menganalisis dan mengaplikasikan maklumat tersebut untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. PBL membantu pelajar menggali masalah yang diberikan dengan lebih mendalam dengan melihat undang-undang sebagai fenomena sosial dan menggunakan kemahiran mereka dengan merujuk pada sumber utama undang-undang dalam menyelesaikan masalah (Wong, 2003). Selain daripada itu, pelajar juga dinilai melalui kuiz yang dijalankan pada pertengahan semester dan juga melalui peperiksaan akhir semester.




Gambar 3: Contoh kuiz yang dibuat dalam talian

5. Maklumbalas Pelajar Berkaitan Penawaran Kursus Undang-Undang Harta Intelek Untuk Sarjana Muda Fiqh Dan Fatwa

Soal selidik ringkas telah dibuat di kalangan pelajar semester A191 bagi tujuan mendapatkan maklumbalas berkaitan penawaran kursus Undang-Undang Harta Intelek untuk Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa. Soal selidik tersebut mengandungi beberapa soalan berkaitan perkara berikut:


5.1 Faktor pemilihan kursus Undang-Undang Harta Intelek



Carta 1: Faktor pelajar memilih kursus Undang-Undang Harta Intelek


5.2 Persepsi pelajar terhadap kursus Undang-Undang Harta Intelek sebelum mempelajari kursus

Berdasarkan pada maklumbalas yang diterima, pelajar-pelajar menyatakan bahawa kursus ini dianggap sukar dan mereka tidak ada pengetahuan langsung tentang kursus ini seperti yang ditunjukkan dalam graf di bawah.



Graf 1: Persepsi pelajar terhadap kursus Undang-Undang Harta Intelek sebelum mempelajari kursus


Namun begitu, berdasarkan skala likert (1 – membosankan 2- sederhana 3- menarik), dapatan menunjukkan bahawa kesemua pelajar bersetuju bahawa kursus ini menarik setelah mereka mengikuti kursus ini.



Graf 2: Persepsi pelajar terhadap kursus Undang-Undang Harta Intelekt selepas mempelajari kursus


5.3 Kesesuaian kursus Undang-Undang Harta Intelekt untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa

Sebanyak 80% pelajar bersetuju bahawa kursus ini sesuai untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa manakala 20% pelajar lagi tidak bersetuju seperti dalam carta pai di bawah. Di antara alasan yang diberikan oleh pelajar berkaitan kesesuaian kursus ini bagi pelajar fiqh dan fatwa ialah kerana ia berbentuk pengetahuan umum dalam bidang perundangan dan relevan dalam kehidupan seharian manakala 20% pelajar yang tidak bersetuju tidak memberikan apa-apa alasan.



Carta 2: Kesesuaian kursus untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa

Berdasarkan maklumbalas tersebut juga, 80% pelajar bersetuju agar kursus ini diteruskan penawarannya untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa manakala 20% lagi tidak bersetuju. Selain itu, 100% pelajar juga bersetuju bahawa kursus ini tidak memerlukan penambahbaikan bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa.



Carta 3: Keperluan Penambahbaikan kursus

6. Cabaran Yang Dihadapi oleh Tenaga Pengajar

Sejak 3 tahun kebelakangan ini, terdapat trend penurunan pelajar yang mendaftar kursus ini. Ini merupakan satu cabaran besar bagi tenaga pengajar untuk memastikan agar kursus ini terus ditawarkan pada pelajar-pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa. Selain itu, penggunaan istilah undang-undang yang teknikal dalam kursus ini juga menjadi cabaran bagi tenaga pengajar untuk memastikan pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dapat memahami intipati kursus ini tanpa menjejaskan maksud sesuatu istilah tersebut. Penggunaan istilah undang-undang yang agak teknikal dalam kursus ini tidak dapat dielakkan memandangkan sebahagian tajuk yang dimuatkan dalam kandungan kursus memerlukan istilah teknikal tertentu digunakan.

7. Kesimpulan

Berdasarkan pada perbincangan di atas, kajian ini mendapati bahawa kursus Undang-Undang Harta Intelek masih relevan untuk pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa walaupun terdapat cabaran dari segi trend penurunan jumlah pelajar yang mendaftar untuk kursus ini pada setiap semester. Cabaran ini dapat diatasi dengan mengadakan kempen mengenal Undang-Undang Harta Intelek di awal semester sebelum pelajar mendaftar kursus. Melalui kempen tersebut, tenaga pengajar dapat memberi pengenalan awal latar belakang kursus ini dan kandungan kursus. Selain itu, tenaga pengajar juga perlu lebih kreatif dalam menyampaikan kursus ini di dalam kelas supaya pelajar akan lebih tertarik dengan kursus ini.

8. Rujukan

Azimon Abdul Aziz & Nazura Abdul Manap. 2009. Aspek Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Harta Intelek: Permasalahan-Permasalahan Yang Memberi Kesan Kepada Perlindungan Pengguna Prosiding PERKEM IV, Jilid 1 hlmn. 523-537.

Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA, MQA, Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, USIM.

Dasar e-Pembelajaran Negara (2011) <https://utmlead.utm.my/download/policies> (akses pada 23 Mac 2021)

<http://www.myipo.gov.my/en/home/> (Akses pada 23 Mac 2021).

Jancic, D., & Abdijevec, S. (2006). Effectiveness of e-learning in educational process: Perspectives and innovations. *Zbornik Radova* 40(1): 433-2.

Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz. 2005. *Undang-Undang Harta Intelek di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Malkawi, B. H. (2013). Intellectual Property Protection from Sharia Perspective. *Southern Cross University Law Review* 16: 87-124.

Nehme, M. (2010). E-learning and students' motivation. *Legal Education Review* 20(1&2): 223-240.

Rangka Kursus Kursus Undang-Undang Harta Intelek, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM (2020) versi 2.0 Agensi Kelayakan Malaysia.

WIPO, What Is IP? <https://www.wipo.int/edocs> (Akses pada 23 Mac 2021).

Wong, Y. (2003). Harnessing the potential of problem-based learning in legal education. *Law Teacher* 37(2): 157-173.